



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

15 April 2022

MAJLIS IFTAR RAMADHAN BENTA WAWASAN SDN. BHD.

TAWAU (Jumaat): Syarikat milik penuh Kumpulan Yayasan Sabah, Benta Wawasan Sdn. Bhd. (BWSB) telah menganjurkan Program Iftar (berbuka puasa) pada 14 April 2022 bertempat di Dewan Masyarakat Tawau. Program ini turut menyaksikan seramai 150 orang warga BWSB dan para jemputan khas berbuka puasa, solat sunat tarawih sambil mengimarahkan bulan Ramadhan.

Pada majlis yang sama, BWSB turut menyampaikan sumbangan korporat kepada Madrasah dan Pusat Tahfiz Wilayah Tawau yang telah disampaikan oleh Pengarah Yayasan Sabah merangkap Pengerusi Eksekutif Innoprise Corporation Sdn. Bhd., Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar.

Program berbuka puasa seumpama ini merupakan salah satu wadah yang diadakan setiap tahun oleh BWSB dalam menyumbang kepada golongan yang kurang bernasib baik di samping memupuk silaturahim antara warga BWSB dan masyarakat setempat.

Kehadiran Tuan Haji Abdul Karim Haji Abdul Wahid, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah BWSB turut memeriahkan lagi majlis tersebut.



Gambar 1: Dato' Sri Haji Gulamhaidar (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Madrasah dan Pusat Tahfiz Wilayah Tawau.



Gambar 2: Warga BWSB dan para jemputan berbuka puasa bersama.



Gambar 3: Dato' Sri Haji Gulamhaidar (berdiri, kanan) beramah mesra bersama warga BWSB dan para jemputan.

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
 Pengurus Kumpulan
 Bahagian Komunikasi Korporat
 Kumpulan Yayasan Sabah
 Tel. : 088-326448
 Faks : 088-421526/088-326424
 Emel : ynwaskarnail@gmail.com